


SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$ jam

1103/1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.



Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah untuk menggalakkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**LANGKAH-LANGKAH
UNTUK MENGGALAKKAN
ORANG RAMAI SUPAYA
MENGGUNAKAN
PENGANGKUTAN AWAM**

- Meningkatkan mutu perkhidmatan
- Memperbanyak kempen
- Menawarkan tambang yang berpatutan

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum memberikan banyak faedah kepada murid.
Huraikan faedah-faedah tersebut.
- 2 Ibu bapa perlu memupuk sikap saling menghormati antara kaum dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi.
Ulas pernyataan tersebut.
- 3 Anda akan mengambil bahagian dalam satu pertandingan pidato. Tajuk pidato anda ialah 'Sukan Mengukuhkan Perpaduan'.
Tulis teks pidato itu selengkapnya.
- 4 Malaysia sentiasa menjalin hubungan baik dengan negara-negara luar dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, sosial dan ekonomi.
Bincangkan kepentingan-kepentingan hubungan baik tersebut.
- 5 Karya sastera seperti novel yang diadaptasi dalam bentuk drama atau filem memberikan banyak manfaat kepada pelbagai pihak.
Jelaskan.

Didikan agama
Suri teladan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

48

- ①. Perancangan.
- ②. Pertanian
- ③. Kerelawatan.
- ④. Sukan.
- ⑤. Pertipti.

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Nov./Dis.

2½ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4** berdasarkan teks *Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **persediaan-persediaan graduan sebelum memasuki alam pekerjaan dan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengurangkan masalah pengangguran**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Lambakan graduan yang menyumbang peningkatan jumlah rakyat yang menganggur di negara kita *begitu membimbangkan*, walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai peluang untuk memastikan mereka dapat ditempatkan dalam sektor pekerjaan. Masalah ini dapat diatasi sekiranya graduan membuat pelbagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan. Mereka perlu mempunyai kemahiran interaksi sosial, iaitu kemahiran cara-cara berhubung dalam kelompok sosial seperti sanggup bekerjasama, semangat setia kawan dan nilai-nilai kebersamaan yang lain. Kemahiran ini penting untuk membolehkan graduan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi yang bakal dihadapi semasa bekerja.

Selain itu, graduan perlu menguasai kemahiran komunikasi yang berkesan. Kepetahan dan kecekapan untuk berkomunikasi dapat menjadikan mereka berkarisma dan berwibawa semasa ditemu duga. Penguasaan pelbagai jenis bahasa di samping bahasa kebangsaan sepatutnya menjadi keutamaan para graduan. Oleh yang demikian, mereka dapat berinteraksi dengan rakan sekerja dari luar negara dan berupaya untuk bersaing pada peringkat global. Tidak hairanlah graduan yang fasih bertutur dalam pelbagai bahasa mudah diambil bekerja oleh syarikat swasta kerana mereka mempunyai kelebihan berbanding dengan graduan yang lain. Mereka turut berpeluang untuk bekerja di luar negara ataupun bekerja dengan syarikat antarabangsa yang berpangkalan di negara ini.

Kajian mendapati bahawa graduan yang beretika dan mempunyai nilai spiritual yang baik biasanya mudah ditawarkan pekerjaan. Hal ini kerana reputasi yang baik sebagai pelajar tanpa sebarang rekod salah laku akan memberikan imej yang positif kepada bakal majikan. Memiliki penampilan diri yang menarik juga merupakan suatu kelebihan yang dilihat dan dinilai oleh majikan sebelum seseorang itu diambil bekerja. Dengan memiliki kelebihan tersebut, seseorang graduan dapat menarik minat majikan dan memberikan kesan positif kepada kerjayanya. Seterusnya, para graduan perlu menonjolkan diri sebagai individu yang mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghadapi tekanan kerana alam pekerjaan lazimnya memberikan pelbagai jenis tekanan.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), setiap graduan mesti melengkapkan diri dengan elemen kepimpinan yang baik. Ciri-ciri kepimpinan ini hanya dapat dicapai melalui penyertaan graduan dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan kerja berpasukan yang memerlukan mereka berbincang, merancang, menilai dan membuat keputusan. Di samping itu, graduan seharusnya menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan analitis supaya mereka dapat menyumbangkan idea-idea berkualiti yang berkait rapat dengan budaya kerja cemerlang. Jelaslah, untuk memastikan para graduan berjaya memperoleh kerja yang diidamkan, mereka sepatutnya melakukan beberapa persediaan dan mempunyai kemahiran-kemahiran yang penting, bukan sekadar memiliki kelulusan akademik yang tinggi semata-mata.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kemahiran Sebelum Bergelar Graduan'
oleh Noraziah Mohd Amin,
Dewan Siswa, Jun 2015

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *begitu membimbangkan*. [2 markah]

amat merisaukan

- (ii) Pengarang berpendapat bahawa graduan yang menguasai lebih daripada satu bahasa mempunyai kelebihan berbanding graduan lain.

Nyatakan kelebihan-kelebihan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Sungguhpun seseorang graduan itu belum mendapat kerja tetap, hal ini tidak bermakna mereka hanya berpeluk tubuh atau tidak melakukan sesuatu aktiviti yang berfaedah.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan oleh seseorang graduan sebelum mendapat pekerjaan tetap? [4 markah]

①. membuka perniagaan kecil-kecilan.

②. menyertai aktiviti sukarelawan.

③.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mengapa bosan?” tanya babah. Ibu mengerling tajam, marah akan perilaku si anak yang selalu berkontradiksi dan berkontras dengan watak babahnya.

“Heh, kan Aqil ni budak genius, budak cerdik dan pintar! Aqil dah cipta formula sendiri. Biar pun baru berusia lapan tahun, baru belajar tahun dua tahap satu, Aqil mampu menyelesaikan masalah matematik tingkatan lima,” kata murid pintar itu membela diri.

Dia mundar-mandir di dalam kelas. “Apalah kau ni Chee Keong, masalah mudah itu pun kau tak dapat buat.” Hujung-hujung cakapnya berbunga sindiran di sebalik dedaun kemaafan.

“Aiman, pergi duduk di kerusi awak. Sekali lagi awak ganggu kawan, saya akan bawa awak menghadap Guru Besar,” Guru Kelas bersuara tegas, memberi amaran keras.

Tapi dia degil. Hatinya seteguh karang di lautan, sekeras sinar suria berkedudukan 90 darjah tepat.

Babah dan ibu marah. Dendam yang bertakung sekian lama di dalam tasik hati mencair dalam detik momen yang singkat. Aiman dirotan. Ibu mengemukakan bantahan dan protes dalam hati.

Sepanjang minggu, murid bernama Aiman Aqil itu ponteng kelas; protes kepada lebam-lebam di pinggul. Keriangan sudah tercantas, tapi masalah belum terurai dan terungkai.

Dipetik daripada cerpen ‘Hipertensi’
oleh Illias Zaidi
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan kelebihan-kelebihan Aiman Aqil. [2 markah]

- (ii) Hukuman rotan dikatakan mampu menyelesaikan masalah disiplin anak-anak namun pendekatan ini kurang popular dalam kalangan ibu bapa kerana mereka mempunyai pendekatan-pendekatan lain yang boleh diambil.

Pada pendapat anda, apakah pendekatan-pendekatan lain tersebut? [3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

→ role model.
nasihat.
di dikan agamen

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah habislah dikenali segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.”

Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Maka titah baginda, “Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?”

Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patik sekalian.” Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah reaksi Laksamana apabila raja menitahkan dua bahagian harta untuk Laksamana dan satu bahagian untuk empunya harta? [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan Laksamana setelah pemilik harta menyerahkan semua harta kepadanya. [3 markah]
- (iii) Laksamana sanggup mengagih-agihkan harta yang diperolehnya kepada orang lain tanpa mengambil sedikit pun daripada harta tersebut.
Pada pendapat anda, mengapakah Laksamana bertindak sedemikian?
Berikan **dua** alasan. [3 markah]



Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

Baginda menitahkan orang besar empat,
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas,
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,
Istana siap dengan alatnya;
Besar tersergam sembilan ruang,
Sepuluh dengan rembat gantung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,
Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti;
Galang-galangnya ular berang,
Kasau kecil puteri menyembah,
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mencelempai,
Bertakuk bersedelinggam,
Berjenang berbatu kawi,
Berselimpat ukir Jawa,
Lilit-melilit akar Cina;
Garam sebuku sisa jeragan,
Bunga kenanga dimakan ular,
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,
Tiada orang dapat meniru:
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Kalung Bunga Za'ba, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka
Antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Apakah perkara-perkara yang berlaku setelah istana berjaya disiapkan? [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah istana pada zaman dahulu dibina tersergam indah seperti yang digambarkan dalam seloka tersebut?

Berikan **dua** sebab.

[3 markah]

(iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]

①

keindahan

②

tukang bani fact etc.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) garisan penamat
- (ii) merentas desa
- (iii) pembesar suara
- (iv) serangga perosak
- (v) tapak semaian
- (vi) ulasan selari

[6 markah]

- (b) *Tukar ayat pasif yang berikut kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Barangan yang penting sahaja perlu kita bawa ke tapak perkhemahan di atas bukit itu.
- (ii) Majalah berkaitan sejarah Malaysia itu telah dibaca oleh Hashim pada minggu lalu di perpustakaan sekolahnya
- (iii) Amalan kitar semula seharusnya dipraktikkan oleh masyarakat setempat demi penjagaan alam sekitar.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Pusat Pengajian Sains Fizik Universiti Sains Malaysia telah memulakan pelbagai kajian saintifik dalam bidang pertanian. Di samping menghasilkan buah-buahan yang bermutu, hasil kajian ini juga mempunyai nilai komersil. Piawaian rasmi yang dapat memenuhi kehendak pengguna harus diwujudkan untuk memastikan pengguna mampu menikmati kualiti buah-buahan secara optimum. Selain itu, kawalan mutu bagi produk asas tani termasuklah keseragaman kualiti juga dapat menggalakan persaingan sihat dalam pemasaran global.

[6 markah]



(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para anggota olahraga yang mengikuti latihan pusat itu perlu menyimpan barang-barang peribadi mereka di almari yang berkunci.
- (ii) Kemahiran bersosial dapat menambahkan hubungan sesama manusia dan membentuk diri bahawa lebih berkeyakinan serta dihormati oleh orang lain.
- (iii) Kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu diperhebat untuk meningkatkan perhatian masyarakat tentang hak mereka sebagai pengguna.

[6 markah]

(e) Nyatakan **peribahasa** yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa berikut.

- (i) Gagak pulang ke benua
- (ii) Alang-alang mandi biar basah
- (iii) Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi

[6 markah]



Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Dalam sesebuah novel, selain watak utama terdapat banyak watak sampingan.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** perwatakan watak sampingan yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

	Nama Novel	Watak Sampingan
i	Leftenan Adnan <i>Wira Bangsa</i>	Pak Saidi
ii	Di Sebalik Dinara	Aqram
iii	Jendela Menghadap Jalan	Danel
iv	Pantai Kasih	Doktor Uwang
v	Songket Berbenang Emas	Embong
vi	Tirani	Zahid
vii	Bimasakti Menari	Muhammad Taufik
viii	Silir Daksina	Abdullah bin Kayan/Amirulnizam

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat yang bekerjasama bagi setiap novel.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT